

31 AUG 2002

Merdeka-Sambutan (Bergambar)

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PAMER KELAINAN

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Kehadiran Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid untuk memeriahkan perarakan Hari Kebangsaan ke-45 menyaksikan sedikit kelainan apabila Seri Paduka Baginda berdua tiba dengan menaiki pedati diraja.

Pedati yang sebelum ini hanya diguna untuk acara rasmi baginda, ditarik oleh empat ekor kuda dengan diiringi 21 pengiring berkuda dan dimeriahkan lagi dengan sorakan orang ramai yang memenuhi hadapan bangunan Sultan Abdul Samad seawal pukul 6 pagi.

Perarakan gilang gemilang itu turut disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri dan para perwakilan asing.

Turut menjadi kelainan pada sambutan kali ini ialah tumpuan yang diberikan kepada usaha memajukan industri pelancongan negara di samping berusaha menyemai semangat patriotisme di kalangan orang ramai.

Acara padang pula menyajikan kelainan daripada segi persembahan paluan 1,584 gendang yang mewakili kepelbagaian etnik serta kebudayaan di negara ini, menggegarkan kawasan sekitar Dataran Merdeka itu.

Perarakan itu dilangsungkan di hadapan bangunan bersejarah yang dibina pada tahun 1897 yang menyaksikan detik bersejarah bendera "Union Jack" diturunkan pada tahun 1957 dan digantikan dengan bendera negara yang baru merdeka.

Cuaca pagi yang cerah memberi peluang kepada orang ramai berkumpul sejak awal pagi di sekitar Dataran Merdeka dengan pakaian berwarna warni, menceriaikan lagi keadaan.

Untuk kali ketiga berturut-turut, "Keranamu Malaysia" menjadi tema sambutan Hari Kebangsaan.

Ketibaan Seri Paduka Baginda berdua tepat pukul 8 pagi disambut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Menteri-menteri kabinet serta timbalan-timbalan menteri yang tiba lebih awal berada di pentas utama yang berlatar belakangkan "Jalur Gemilang".

Sejurus tiba, Seri Paduka memeriksa perbarisan kehormat terdiri daripada tiga pegawai dan 102 anggota lain-lain pangkat dari Batalion Satu Pasukan Rejimen Askar Melayu Diraja yang ketuai Mejar Ismail Osman.

Acara sambutan dimulakan dengan upacara menaikkan bendera Jalur Gemilang serta nyanyian lagu "Negaraku" oleh kumpulan koir serta diikuti bacaan ikrar Rukun Negara oleh tujuh pelajar sekolah dari Lembah Klang.

Mereka kemudian menerajui laungan "Merdeka" sebanyak tiga kali yang diikuti bacaan sajak oleh tujuh penyair mewakili masyarakat berbilang kaum.

Acara padang kali ini digantikan dengan persembahan paluan gendang yang mendendangkan beberapa buah lagu nyanyian rakyat sebelum acara sambutan diteruskan dengan perarakan.

Perarakan kali ini menyaksikan penyertaan 12,550 peserta, 51 kontinjen, 23 pancaragam dan 14 kereta berhias daripada pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta serta pasukan beruniform.

Perarakan tahun ini turut dimeriahkan dengan penyertaan 59 pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah berangkat menyaksikan perarakan sambutan hari kebangsaan peringkat

negeri di Pantai Batu Buruk.

Ketibaan baginda berdua disambut Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Perhimpunan dan perarakan sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-45 peringkat negeri Terengganu sejauh kira-kira tiga kilometer, bermula di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah dengan 151 kumpulan yang dibahagikan kepada 10 kategori.

Kontinjen itu yang membabitkan pasukan jabatan kerajaan dan badan berkanun, pelajar sekolah, sektor swasta dan parti-parti politik, kemudiannya memulakan perarakan ke Pantai Batu Buruk melalui Jalan Sultan Omar dan Jalan Kamaruddin.

Acara sambutan hari kemerdekaan turut dimeriahkan dengan perarakan kenderaan polis, tentera, bomba, JPA3, Kelab Volkswagen, Kelab Kereta Mini, Kelab Vespa dan Kelab Motor Terengganu.

Terdahulu, pada perhimpunan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Abdul Hadi turut melaungkan "Merdeka" sebanyak tiga kali.

DI KOTA BAHARU, 123 kontinjen membabitkan kira-kira 4,000 peserta mengambil bahagian pada perbarisan sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri Kelantan.

Timbalan Menteri Besar Datuk Abdul Halim Abdul Rahman menerima tabik hormat daripada kontinjen-kontinjen berkenaan di pentas khas di Jalan Mahmood berhadapan Sekolah Kebangsaan Padang Garong I.

Perbarisan yang disaksikan ribuan orang itu bermula pukul 8 pagi di Stadium Sultan Mohamad Ke IV di sini dan menyusuri Jalan Mahmood-Jalan Kebun Sultan-Jalan Seri Cemerlang-Jalan Bayam sejauh 3.5 km sebelum berakhir di stadium berkenaan.

DI SEREMBAN, lebih 30,000 masyarakat pelbagai kaum membanjiri padang Majlis Perbandaran Seremban (MPS) untuk menyaksikan perarakan yang melibatkan 74 kontinjen daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, pasukan keselamatan, sukarela, pertubuhan politik dan institusi pengajian tinggi.

Turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, anggota exco kerajaan negeri, ketua jabatan, pemimpin parti politik dan masyarakat.

Mohamed Isa dalam ucapannya meminta semua lapisan masyarakat terus mengekal dan mengukuhkan lagi perpaduan kaum dan kestabilan negara.

Beliau turut mengingatkan generasi muda supaya menghayati erti kemerdekaan supaya mereka tidak mudah dijajah dengan penjajahan bentuk baru khususnya daripada segi ekonomi dan sosial.

"Justeru itu, ilmu pengetahuan perlu ditingkatkan untuk memajukan diri, bangsa dan negara," katanya.

Di KANGAR, perarakan hari kebangsaan peringkat negeri berlangsung dalam suasana penuh warna-warni dengan tumpuan orang ramai kepada Wan Aishah Wan Nawawi, generasi ketujuh Mahsuri, wanita yang menjadi lagenda Pulau Langkawi.

Wan Aishah, 17, didatangkan dari Phuket, Thailand bagi menyertai kontinjen Majlis Perbandaran Kangar (MPK).

Beliau menaiki sebuah jip mengelilingi bandar Kangar, pertama kali dijejakinya, meskipun sebelum ini pernah tiba di negeri ini dalam perjalanan ke Pulau Langkawi.

Perarakan itu turut disaksikan Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda, Tuanku Lailatul Shahreen Khalil Akashah. Ia disertai kira-kira 25,000 peserta dari 120 kontinjen.

Sempena sambutan itu juga berlangsung persembahan kesenian di padang Majlis Perbandaran Kangar yang pernah mencatat sejarah apabila bendera Union Jack diturunkan dan bendera persekutuan dinaikkan pada 31 Ogos 1957.

Di KLUANG, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata amalan

muafakat, sederhana dan semangat toleransi yang menjadi pegangan masyarakat majmuk di negara ini perlu dipupuk dan disemai di kalangan generasi muda hari ini.

"Mendaulatkan integrasi kaum yang berlandaskan kesetiaan, ketaatan dan patriotisme yang tinggi akan dapat membina dan mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu," katanya ketika berucap merasmikan sambutan Hari Kemerdekaan peringkat negeri di sini hari ini.

Terdahulu, Abdul Ghani bersama anggota exco kerajaan negeri dan pegawai kanan turut menyaksikan upacara perbarisan dan perarakan 120 kontinjen dari seluruh daerah di negeri ini.

Di IPOH, perarakan peringkat negeri yang berlangsung di hadapan Dewan Bandaran Ipoh, disertai lebih 15,000 orang.

Majlis itu disaksikan Raja Muda, Raja Nazrin Shah, Raja Di Hilir, Raja Jaafar Raja Muda Musa, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, exco kerajaan negeri dan pegawai kerajaan.

Antara acara yang diadakan sempena sambutan hari kemerdekaan kali ini ialah deklamasi puisi yang bertajuk Keranamu Malaysia oleh Suhaimi Mior Hassan dan Nuruzaida Zabri serta perarakan 101 kontinjen jabatan kerajaan, badan berkanun, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta di Perak.

Di ALOR SETAR, Raja Muda Kedah dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menghadiri sambutan perayaan ulang tahun kemerdekaan peringkat negeri Kedah di Dataran Tunku.

Walaupun hujan, hampir 5,000 orang hadir menyaksikan perarakan perbarisan serta 4,620 peserta yang berarak dengan penuh semangat.

Antara kontinjen yang menarik perhatian pada perarakan ini ialah kontinjen Dewan Undangan Negeri Kedah yang terdiri daripada wakil rakyat kerajaan dan pembangkang yang berbaris di dalam satu pasukan.

Di LANGKAWI, suasana sambutan hari Kemerdekaan kali ke-45 meriah dengan pelbagai program diadakan di pulau peranginan ini, walaupun perbarisan dan perarakan peringkat Langkawi akan diadakan pada Isnin ini.

Di KUDAT, 72 kontinjen daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta mengambil bahagian dalam perarakan sempena Hari Kebangsaan peringkat negeri di sini.

Perarakan berlangsung di sekitar Pekan Kudat dan berakhir di Kompleks Sukan Kudat yang dihadiri oleh kira-kira 10,000 orang penduduk tempatan dan daerah berhampiran.

Majlis itu disaksikan Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai dan isteri Toh Puan Hajah Siti Rukaiyah Panglima Abdullah, Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat dan isteri Datin Ivy Chong serta menteri-menteri kabinet negeri.

Suasana meriah dirasai di pekan kecil di hujung utara Pulau Borneo yang terkenal dengan kebudayaan masyarakat Rungus, apabila dipilih lopkasi perayaan kali ini.

Di KUCHING, 75 kontinjen menyertai perhimpunan sambutan Hari Kemerdekaan yang diadakan secara sederhana tetapi meriah di stadium tertutup Stadium Perpaduan berikutan masalah jerebu.

Sambutan hari kemerdekaan tahun ini sepatutnya diadakan di Sarikei yang terletak di bahagian tengah Sarawak, namun dipindahkan ke Kuching berikutan masalah jerebu.

Turut hadir pada perhimpunan tersebut ialah Yang di-Pertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin, menteri-menteri kabinet negeri, pegawai kanan persekutuan dan negeri serta badan bukan kerajaan.

Di KUANTAN, sambutan Hari Kebangsaan ke-45 peringkat negeri diadakan di padang Majlis Perbandaran Kuantan 1 (MPK) dengan dihadiri kira-kira 30,000 orang.

Turut hadir Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dan exco-exco kerajaan negeri.

Di MELAKA, lebih 10,000 peserta dari 111 kontinjen menyertai perarakan perbarisan sejauh 2.6 kilometer bermula di hadapan Memorial Perisytiharan Kebangsaan di Bandar Hilir menyusuri Jalan Kota, Jalan Gereja, Jalan Bendahara, Jalan Bunga Raya, Jalan Hang Tuah dan berakhir di Stadium Hang Tuah.

-- BERNAMA

RDY MS SHI AZZ LAT